



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Security
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA
MALAYSIA

03-8870 4426
ukk@dof.gov.my
<http://www.dof.gov.my>

No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (11)

SIARAN MEDIA

PEMULIHARAAN DUGONG: PERLINDUNGAN SPESIES MARIN TERANCAM

PUTRAJAYA, 28 Mei 2025 – Sempena sambutan Hari Dugong Sedunia yang diraikan pada 28 Mei setiap tahun, Jabatan Perikanan Malaysia terus melaksanakan usaha bersepadu ke arah pemuliharaan spesies marin terancam seperti dugong (*Dugong dugon*), yang kini berhadapan risiko kepupusan. Sebagai mamalia marin herbivor yang bergantung sepenuhnya kepada ekosistem rumput laut, kelangsungan hidup dugong mencerminkan tahap kesihatan persekitaran laut negara. Justeru, usaha pemuliharaan spesies ini dilaksanakan secara menyeluruh merangkumi perlindungan habitat kritikal, pemantauan populasi serta kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk komuniti setempat.

Dugong merupakan satu-satunya spesies yang masih wujud dalam famili *Dugongidae* dan dilindungi sepenuhnya di bawah perundangan Malaysia termasuk Seksyen 27, Akta Perikanan 1985, Peraturan-Peraturan Perikanan (Pengawalan Spesies Ikan Yang Terancam) (Pindaan) 2019 serta undang-undang hidupan liar di Sabah dan Sarawak. Spesies ini disenaraikan dalam Lampiran I Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Fauna dan Flora Liar (CITES), dan dikategorikan sebagai “Hampir Pupus” oleh Kesatuan Antarabangsa bagi Pemuliharaan Alam Semula Jadi (International Union for Conservation of Nature, IUCN), menjadikan usaha konservasi sebagai satu keperluan mendesak.

Populasi dugong di Malaysia tertumpu di beberapa kawasan seperti perairan Pulau Sibul, Pulau Tinggi dan Pulau Besar di Johor, serta di Sabah dan Sarawak. Habitat utama dugong adalah kawasan rumput laut cetek, yang turut menjadi ekosistem penting bagi pelbagai spesies marin lain seperti kuda laut, gamat dan ikan juvenil. Namun, kawasan ini semakin terancam akibat pembangunan pesisir, penambakan tanah, pencemaran dan aktiviti penangkapan ikan yang tidak lestari.

Antara usaha pemuliharaan terkini yang sedang dilaksanakan termasuk cadangan pewartaan Santuari Dugong di Johor melibatkan kawasan seluas 150,000 hektar. Pewartaan ini dijangka memperkukuh perlindungan habitat kritikal serta menyokong penyelidikan dan pemantauan jangka panjang. Jabatan Perikanan Malaysia juga telah menjalankan tinjauan awal ke atas habitat rumput laut dan aktiviti pemakanan dugong di Pulau Seri Buat dan Pulau Sembilang, Pahang. Penemuan penting yang menyokong keperluan peluasan inisiatif konservasi ke kawasan lain yang berpotensi.



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION
myDOF
Menangguh Perikanan

Di samping itu, Jabatan Perikanan Malaysia dengan kerjasama Yayasan PETRONAS sedang melaksanakan pemetaan taburan rumput laut di seluruh negara, termasuk penilaian stok karbon habitat ini. Rumput laut bukan sahaja penting sebagai sumber makanan utama dugong, tetapi turut memainkan peranan dalam mitigasi perubahan iklim melalui keupayaan penyerapan karbon.

Jabatan Perikanan Malaysia akan terus memperkukuh kerjasama strategik dengan agensi berkaitan, institusi penyelidikan, organisasi bukan kerajaan dan komuniti setempat bagi memastikan usaha pemuliharaan dapat dilaksanakan secara berkesan dan mampan. Perlindungan terhadap dugong bukan sahaja penting dari sudut pemeliharaan biodiversiti marin, malah turut menegaskan komitmen negara dalam pengurusan sumber perikanan secara lestari dan bertanggungjawab.

Pautan gambar:

<https://drive.google.com/drive/u/0/folders/1Gb9vQT3yPzGesKTZpSTWUAkeBceYVMj6>

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my